

INFO BULETIN UiTM Sarawak Kampus

ISU 60
Julai 2009

**UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,**

2009  PG. 22

■ **UiTM Sarawak
Conference
2008** PG. 4

■ **Diploma Show:
Pelajar Grafik**
PG. 34

■ **UiTM Sarawak At
The International
Level** PG. 40

PG. 7



**Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri**

PG. 10



**Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12**

MAJLIS PERASMIAN MASJID UiTM SARAWAK

Ustaz Mohd Khusyairie Marzuki

SEMINAR SERANTAU PERKEMBANGAN ISLAM BORNEO 2009


Ustaz Mohd Khusyairie Marzuki

Setelah Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo pertama kalinya diadakan di UiTM Sarawak pada 27-28 Februari 2008 yang lalu telah berjaya dianjurkan, maka pada tahun ini UiTM Sabah menyahut seruan menjadi tuan rumah, menganjurkan Seminar Serantau Perkembangan Islam Borneo ke 2 di Kompleks Pentadbiran Persekutuan di Kota Kinabalu.

Seminar anjuran bersama UiTM Sabah dan UiTM Sarawak ini berlangsung pada 4 & 5 Mac 2009. Seminar ini telah dirasmikan pada 4 Mac 2009 oleh Pembantu Menteri Kewangan Sabah, Datuk Taufiq Abu Bakar Tiitingan yang mewakili Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Haji Musa Aman. Majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Pengarah Kampus UiTM Sabah dan UiTM Sarawak serta Pengarah JAKIM Sabah.

Teks ucapan Ketua Menteri Sabah, dibacakan oleh Pembantu Menteri Kewangan Sabah. Antara dalam teks ucapannya, beliau berkata "Kajian lebih menyeluruh kepada aspek sosio ekonomi masyarakat Islam di Borneo perlu dipergiatkan dan tidak hanya tertumpu kepada aspek dokumentasi akademik semata-mata".

Seminar yang dirancang untuk diadakan setiap tahun ini akan menjelajah ke seluruh pelusuk Kepulauan Borneo. Setelah diadakan di Sarawak pada tahun lepas, dan di Sabah pada tahun ini, pihak penganjur bercadang untuk mengadakan seminar ke 3 pada tahun depan di Pontianak Indonesia. Kita mendoakan segala usaha murni ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada umat Islam.



UiTM Sarawak telah disempumakan oleh Ketua Menteri Sarawak, YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Tanggal 20 Februari 2009, mencatat satu lagi hari bersejarah buat UiTM Sarawak kerana mercu tanda baru telah tersergam indah di kampus Samarahan. Majlis Perasmian Masjid Baru

Sempena majlis perasmian ini, beliau telah mengumumkan nama Masjid Al - Qarawiyyin UiTM Sarawak. Dalam ucapannya, beliau menegaskan :



"Bahawa Masjid merupakan salah satu institusi yang sangat penting dalam tamadun Islam. Masjid bukan sekadar pusat ibadah khusus, tetapi sebenarnya peranan masjid adalah lebih luas".

Sejajar dengan pembinaan masjid ini, diharapkan dapat berperanan luas bukan sahaja sebagai tempat ibadat, malah harus juga dijadikan sebagai pusat kajian, rujukan dan percambahan ilmu pengetahuan dan tempat menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan perkembangan dan kemajuan ummah dengan Penubuhan Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo di UiTM Sarawak.





Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK